

KANUN TANAH WAKAF NEGARA: ADAKAH SATU KEPERLUAN

Kanun Tanah Wakaf Negara: Adakah Ianya Satu Keperluan National Waqf Land Code: Is It a Needed

Abdul Aziz bin Sulaiman^{1a*} dan Noor Hidayah binti Zainuddin^{2b}

^aFakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Bandar DiRaja
Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, MALAYSIA

Emel: phdusas_aziz@outlook.com¹

^bFakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Universiti Sultan Azlan Shah

Emel: noorhidayah@usas.edu.my²

*Corresponding Author: phdusas_aziz@outlook.com

Received: 18 July 2023

Accepted: 11 September 2023

Published: 30 September 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.28no3.546>

Abstrak	Abstract
<p><i>Semenanjung Malaysia masih menggunakan Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) sebagai rujukan dalam pelbagai urusan tanah termasuk tanah wakaf. Namun, masih terdapat masalah tadbir urus hartanah wakaf seperti halangan perundangan, kelewatan pendaftaran hak milik, kaedah pendaftaran secara peletakhakan berkanun dibawah seksyen 416(C) KTN, pelaburan tanpa perundangan dan isu pembangunan hartanah wakaf. Sorotan kajian mendapati undang-undang khas tanah wakaf belum diwujudkan bagi mengurangkan permasalahan tadbir urus hartanah wakaf tersebut. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada masalah dalam tadbir urus hartanah wakaf dan dimensi transformasi ke arah penambahbaikan terhadap masalah tersebut. Metodologi kajian adalah secara kualitatif deskriptif melalui teknik purposif sampel dan temu bual mendalam. Hasil kajian mendapati</i></p>	<p><i>Peninsular Malaysia still adopts the National Land Code 1965 as a reference in various land matters including waqf land. However, there are still problems with the governance of waqf properties such as legal barriers, delay in registration of ownership, registration procedure by statutory vesting under section 416(C) of NLC, illegal investment and waqf property development issues. The literature reviews also found that the National Waqf Land Code has not been established to reduce the governance problems of the waqf properties. The objective of the research is to identify factors that contribute to the problems in the governance of waqf properties and the dimension of transformation towards improvement of the problem. The research methodology is qualitatively descriptive through purposive sampling techniques and in-depth interviews. The research found that five elements influence the governance of waqf properties, namely a legal provision, power</i></p>

<p><i>lima elemen mempengaruhi tadbir urus hartanah wakaf iaitu peruntukan perundangan, punca kuasa, fungsi dan obligasi, manual operasi prosedur dan sumber manusia. Elemen perundangan juga menunjukkan keperluan mewujudkan Kanun Tanah Wakaf Negara sebagai salah satu elemen penambahbaikan dalam dimensi transformasi perundangan tadbir urus hartanah wakaf. Implikasi kajian ini secara praktikalnya dapat menyumbang kepada pihak berkepentingan seperti Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Secara teorinya pula, kajian ini menyumbang kepada perkembangan pengetahuan kepada pelajar di Institut Pengajian Tinggi.</i></p>	<p><i>sources, functions and obligations, procedural operating manuals and human resources. The legal element shows that the establishment of the National Waqf Land Code is one of the elements of improvement in the legislative transformation dimension of waqf properties governance. The implications of the research can practically contribute to stakeholders such as the Islamic Religious Council and the Perak Malay Customs (MAIPk), the State Authority (PBN) and the Department of Wakaf, Zakat and Hajj (JAWHAR). Theoretically, this research contributes to the development of knowledge for students at the Institute of Higher Education.</i></p>
<p>Kata kunci: <i>Kanun Tanah Wakaf Negara, undang-undang, tanah, wakaf, hak milik.</i></p>	<p>Keywords: <i>National Waqf Land Code, law, land, waqf, title.</i></p>

1. PENGENALAN

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah institusi yang bertanggungjawab dan mempunyai bidang kuasa terhadap pengurusan wakaf di Malaysia (Mohd Ridzuan, 2020). MAIN merupakan pemegang amanah tunggal terhadap hal ehwal wakaf di negeri (Mohd Ridzuan, 2020; Rabiatul Hasanah et al., 2017). MAIN juga bertindak sebagai pemegang amanah di negeri seperti mana ditetapkan dalam perundangan atau enakmen wakaf negeri (Rabiatul et al., 2017).

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, tadbir urus hartanah wakaf adalah di bawah bidang kuasa MAIN (Nurliza et al., 2019). Peruntukan ini dinyatakan dalam Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan iaitu negeri-negeri mempunyai kuasa perundangan di bawah senarai negeri dalam senarai kedua Jadual ke Sembilan (Nurliza et al., 2019). Bidang kuasa tersebut turut dinyatakan dalam Enakmen Wakaf Negeri (Sayuti Ab Ghani & Burhanuddin Jalal, 2019). Sebagai contoh, di negeri Perak terdapat Enakmen Wakaf (Perak) 2015 yang menetapkan bidang kuasa, kaedah pentadbiran dan pengurusan hartanah wakaf bagi negeri itu (Sharul Azam, 2021). Pada tahun 2010 Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji di Jabatan Perdana Malaysia (JAWHAR) telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai pengurusan perletakhakan tanah wakaf untuk digunapakai oleh MAIN di Semenanjung Malaysia (JAWHAR,

2010).

Kegunaan tanah wakaf adalah untuk tujuan masjid, sekolah agama rakyat, surau, kubur dan beberapa kegunaan lain yang dibenarkan oleh pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) (Shahrul Azam, 2021). Sumber tanah wakaf adalah daripada tanah pewakaf sama ada individu, syarikat dan Tanah Kerajaan yang dipindahkan kepada pihak MAIPk (Shahrul Azam, 2021). Seseorang boleh menyerahkan hartanya untuk diwakafkan bagi tujuan khairat menurut hukum syarak namun, tertakluk kepada syarat bahawa seseorang itu telah mencapai umur baligh, akal yang sempurna, rela hati dan tidak bankrap (Seksyen 3(1) Enakmen Wakaf (Perak) 2015). Pengkaji sedang menjalankan satu kajian mengenai transformasi tadbir hartanah wakaf masa kini dan data-data kajian juga sebahagiannya diambil daripada MAIPk.

Lima skop kajian ini adalah berkaitan peruntukan perundangan, punca kuasa, fungsi dan obligasi, manual operasi dan sumber manusia. Bagi tujuan jurnal ini, penulisan kajian adalah fokus kepada transformasi peruntukan perundangan yang berkaitan pengurusan pendaftaran hak milik dan pemilikan tanah wakaf masa kini. Pendaftaran hak milik bermaksud tanah yang dipindahkan hak milik daripada pemilik asal kepada pemilik baru melalui beberapa kaedah mengikut perundangan (Hafizul Helmi, 2019). Pindah hak milik tanah bagi tujuan wakaf hendaklah dilakukan melalui empat kaedah berikut iaitu kaedah pindahmilik, penyerahan balik, peletakhakan berkanun di bawah seksyen 415(1)(a) KTN dan peletakhakan berkanun di bawah seksyen 416(C) KTN (JAWHAR, 2010).

Masalahnya, tanah wakaf yang diterima akan didaftarkan mengikut undang-undang di bawah seksyen 416(C) KTN (Hafizul Helmi, 2019). Sedangkan, Pentadbir Tanah selaku Pendaftar Hakmilik tanah tidak boleh mencatatkan perkataan wakaf atau MAIN pada dokumen hak milik yang didaftarkan secara perletakhakan berkanun (Hafizul Helmi, 2019). Hal ini disebabkan KTN tidak mengiktiraf wakaf atau tanah wakaf sebagai sesuatu amanah tunggal kepada MAIN (Hafizul Helmi, 2019; JAWHAR, 2010). Pengurus Wakaf hanyalah mengawal dan merekod tanah wakaf tersebut dalam Daftar Rekod Tanah Wakaf sahaja tetapi bukannya pemilik tanah wakaf (Hafizul Helmi, 2019).

Masih ada kelemahan dan kekurangan dalam KTN berhubung tanah wakaf. Pada hemat saya, kita tidak wajar bergantung terus kepada peraturan dan prosedur tanah wakaf dalam KTN, sebaliknya mewujudkan kanun wakaf baharu dan lebih sempurna (Salleh Buang, 2016). Namun, perundangan khas tanah wakaf boleh juga diletakkan sama ada di bawah Kanun Tanah Wakaf Negara ataupun melalui satu akta yang berasingan, boleh juga

dilakukan kedua-duanya, tetapi apa yang penting adalah penyelarasan soal wakaf ini dengan Pentadbir Tanah secara keseluruhannya (Informan A4).

2. PERNYATAAN MASALAH

Pernyataan masalah kajian adalah berkaitan apakah faktor-faktor tadbir urus yang mempengaruhi masalah pengurusan pemilikan tanah wakaf. Masalah pelaksanaan wakaf antaranya adalah aspek perundangan, prosedur dan pendaftaran tanah wakaf (Husna Saadan, 2018; Rohayu Abdul Majid & Rosli Said, 2014). Isu yang timbul mengenai pembangunan harta wakaf di Institut Pengajian Tinggi (IPT) melibatkan Pejabat Tanah atau Pejabat Tanah dan Galian (PTG) yang bergantung kepada peruntukan dalam KTN (Husna Sa'adan, 2018; Siti Mashitoh, Asmak Ab Rahman & Azizi Che Seman 2018). Halangan perundangan juga berkaitan dengan prosedur pendaftaran dan pengurusan tanah yang tidak jelas menyebabkan persetujuan untuk memajukan tanah atau menukar hak milik adalah sukar dilakukan (Husna Sa'adan, 2018). Hanya 3,600 hektar (12%) daripada 30,000 hektar tanah wakaf telah dimajukan dan bakinya seluas 26,400 hektar (88%) belum dimajukan. Kelemahan ini dikenalpasti berpunca daripada kaedah tadbir urus, struktur organisasi MAIN, pengurusan, kemahiran profesional dan pelbagai lagi yang perlu ditambah baik (Ismail Omar, 2020).

Pernyataan masalah kajian ini juga mengenai tadbir urus hartanah wakaf dalam urusan hak miliknya iaitu:

- a) KTN telah lama digunapakai di Semenanjung Malaysia tetapi masih terdapat masalah pendaftaran dan pemilikan tanah wakaf (Sallehuddin Ishak, 2013);
- b) Tiada peruntukan perundangan khusus bagi urusan mendaftar hak milik tanah wakaf di Semenanjung Malaysia (Sayuti & Burhanuddin, 2019);
- c) Tanah wakaf perlu ada hak milik berdaftar supaya aktiviti pembangunan dan pajakan tanah;
- d) Pelaburan ke atas tanah wakaf dapat dilaksanakan secara perundangan (Azlinor & Nor Asiah, 2015);
- e) Isu di Johor pula berkaitan tempoh masa lama untuk memproses pendaftaran hak milik (Mohd. Fazle Mohd Yusof, 2016);
- f) Tiada semakan dilakukan untuk memastikan tanah wakaf telah didaftarkan; dan
- g) Dokumen permohonan tanah wakaf yang tidak lengkap (Mohd. Saiful Abdullah, 2016; Abdullah et al., 2009).

Impak permasalahan di atas adalah:

- a) Jika tidak didaftarkan, tanah wakaf akan terdedah kepada pelbagai isu dan permasalahan serta status wakaf tanah menjadi kabur (Rohayati Hussin et al., 2014);
- b) Pembangunan tanah wakaf tidak dapat dilaksanakan sekiranya tanah tersebut tidak didaftarkan hak miliknya (Sayuti & Burhanuddin, 2019; Mohd. Saiful Abdullah, 2016; Abdullah et al., 2009);
- c) Pembangunan projek di atas tanah wakaf hanya boleh dilakukan selepas tanah tersebut didaftarkan atas nama MAIN seperti diperuntukan dalam seksyen 5, KTN (Norliza, Hairunnizam & Aisyah, 2019);
- d) Boleh menyebabkan tanah wakaf tidak dapat dimajukan dan impaknya berlakulah peningkatan keluasan tanah wakaf terbiar (Mohd. Fazle Mohd Yusof, 2016); dan
- e) Terdapat risiko kehilangan rekod dan maklumat tanah wakaf apabila berlaku perubahan kepimpinan (Sayuti Ab Ghani & Burhanuddin Jalal, 2019).

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan secara pendekatan kualitatif yang menghasilkan data secara deskriptif melibatkan kata-kata ditulis atau lisan daripada responden (Ajat Rukayat, 2018). Melalui pendekatan ini, maklumat terperinci dapat diperolehi tentang perkara yang diingini dan memahaminya dengan lebih mendalam (Nurul Izzati, 2022). Kajian ini memilih teknik *purposive sampling* iaitu pemilihan responden secara sampel berasaskan kepakaran mereka. Menurut Mark (2021) *purposive sampling* bertujuan untuk memberi tumpuan kepada ciri-ciri tertentu populasi yang diminati. Temu bual merupakan teknik pengutipan data yang melibatkan interaksi bersemuka atau melalui percakapan telefon antara penyelidik dengan orang yang ditemubual (Thalha Alhamid & Budur Anufia, 2019; Ulfatin, 2014). Melalui kaedah ini juga, penyelidik memperolehi jawapan kepada soalan yang dikemukakan.

4. SOROTAN LITERATUR

Faktor-faktor perundangan yang mempengaruhi masalah pengurusan hak milik wakaf masa kini.

4.1 Pendaftaran Hak Milik Tanah Wakaf Secara Perletakhakan Berkanun

Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) merupakan undang-undang tanah yang terpakai di Malaysia (Sayuti Ab Ghani & Burhanuddin Jalal, 2019).

Mengikuti KTN, tanah wakaf perlu didaftarkan seperti tanah-tanah lain. Implikasinya jika tidak didaftarkan, tanah wakaf akan terdedah kepada pelbagai isu dan pemasalahan serta status wakaf tanah menjadi kabur. Dokumen hak milik berdaftar atau geran tanah merupakan bukti bertulis tentang hak milik pemunya (Azlinor Sufian & Nor Asiah Mohamad, 2015). Hak milik atau pemunya tanah wakaf yang tidak boleh disangkal (Sayuti & Burhanuddin, 2019).

Tanah wakaf di Semenanjung Malaysia didaftarkan secara perletakhakan berkanun (*statutory vesting*) kepada MAIN sebagai pemegang amanah tunggal seperti ditetapkan dalam seksyen 416(C) KTN (Hafizul Helmi, 2019). Perletakhakan berkanun ditakrifkan sebagai perletakhakan yang dikuatkuasakan oleh mana-mana undang-undang yang bertulis kepada sesuatu badan dan kemudiannya barulah Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah (JAWHAR, 2010). Keadaan yang membolehkan urusan peletakhakan iaitu bukti dokumen yang lengkap mengenai pewakafan tanah, terdapat tanah yang diwakafkan tetapi pewakaf telah tidak dapat dikesan seperti pewakaf meninggal dunia dan sebagainya. (JAWHAR, 2010).

Bagaimanapun, kedudukan MAIN di bawah seksyen ini hanyalah untuk mengguna, menduduki, mengawal dan mengurus tanah wakaf tersebut dan bukan sebagai pemilik (Mohd. Ali, 2016; Sallehuddin Ishak, 2013; JAWHAR, 2010). Dalam erti kata lain MAIN bukanlah pemilik tanah wakaf tetapi dimiliki oleh Pihak Berkuasa Negeri. Seksyen 416C tidak boleh dianggap sebagai penyelesaian muktamad bagi isu pendaftaran tanah wakaf di bawah KTN (Sallehuddin Ishak, 2013). Terdapat peruntukan undang-undang dalam KTN tidak selari dengan kehendak maqasid syariah dan prinsip perundangan pentadbiran tanah secara Islam (Ridzuan Awang, 1994). Malahan KTN tidak mengiktiraf tanah wakaf sebagai pemilik MAIN (Sayuti Ab Ghani & Burhanuddin Jalal 2019; Sallehuddin Ishak, 2013).

4.2 Tempoh Pemilikan Tanah Wakaf Secara Pajakan Pegangan (Leasehold) 99 Tahun

Sejarah pemberian hak milik tanah bermula apabila Rasulullah SAW memberikan tanah di Khaibar kepada Zubayr bin Al-Awwam yang mengandungi pokok-pokok tamar (Mohd. Sabree Nasree, 2018). Ketika itu, tanah yang diberikan hak milik kepada para sahabat merupakan tanah terbiar (*'iqta*) daripada sumber tanah *marwat* yang tidak dimiliki dan diberikan oleh pemerintah bagi tujuan pengeluaran pertanian (Mohd. Sabree Nasri, 2018; Naziruddin, 2005:141). Tanah *marwat* adalah tanah yang tidak ada pemiliknya, tiada pengairan dan tidak dimanfaatkan tanah tersebut (Nurul Syafini Abd

Rahman et al., 2016; al-Mawardi, 1973). Selain itu, Baginda juga memberi hak milik tanah kepada beberapa para sahabat seperti dalam Jadual 2.1 berikut.

Jadual 2.1. Pemberian Hak Milik Tanah Wakaf

Bil	Penerima Tanah	Lokasi
1.	Abu bakar	Tanah Bani Nadir
2.	Umar al-Khatab	Khaybar
3.	Zubayr	Khaybar, Bani Nadir , 30 batu dari Madinah
4.	Bilal bin Harith	Tanah yang mengandungi garam di 'Aqiq
5.	Hamzah bin Nu'man	Wadi Qura
6.	Farat bin Hayyan	Yamamah
7.	Mujja'a	Ghura, Ghuraba dan Habal
8.	Sulayt Ansari	Lokasi tidak dinyatakan
9.	Anyad bin Hammal	Lombong garam di kawasan berbukit di Ma'rib
10.	Orang Juhaimah atau Muzaimah	Lokasi tidak dinyatakan
11.	Ansar	Bahrain
12.	Wail bin Hujr	Hadramaut
13.	'Abd Rahman bin Auf	Bani Nadir

Sumber: Mohd Sabree Nasri (2018), Pengurusan dan Pembangunan Tanah Terbiar -Tinjauan Khusus Pada Awal Pemerintahan Islam dan Undang-undang di Malaysia. *Journal of Law & Governance, Volume 1(No 1) 2018:110-126*. Kolej Universiti Islam Melaka.

Tanah yang diwakafkan harus merupakan tanah hak milik atau tanah dimiliki secara berdaftar sama ada sebahagian atau keseluruhan tanah tersebut (Yeni Indrayani Oktaviana, 2017). Tanah tersebut tidak ada ikatan, jaminan atau sitaan, dan apa-apa sengketa pemilikan (Yeni Indrayani Oktaviana, 2017). Statut pemilikan tanah wakaf menurut konsep Islam adalah tertumpu kepada pembekuan atau pemegangan aset yang diwakafkan dan manfaat pewakafan tersebut (Harmon Amir Nasution, 2016). Dari sudut pemilikan, aset diwakafkan (termasuk tanah wakaf) adalah hak milik Allah SWT yakni pewakaf dan aset yang diwakafkan tiada hubungan kontrak selepas diwakafkan (Sayuti Ab Ghani, Mohd Hamran, Hasan Al-Banna dan Basri Ghani (2011).

Hak milik tanah yang dipegang oleh Pejabat Pendaftar dan Pejabat Tanah boleh dibahagi-bahagikan mengikut keadaan dan keluasan tanah (seksyen 77(3) KTN). Tanah wakaf boleh diberikan hak milik kepada MAIN melalui tiga kaedah iaitu (a) pindah milik, (b) penyerahan balik, dan (c) perletakhakan berkanun (Husna Mohd Sa'adan, 2018; JAWHAR, 2010). Dari segi perundangan, tanah-tanah yang telah diberikan hak milik atau kepentingan pemilikan tanah telah didaftarkan termasuk tanah yang dipajak, digadai atau

esmen adalah tidak boleh disangkal lagi pemilikan tersebut (seksyen 340, KTN).

Namun, kedudukan tanah di bawah KTN adalah bertempoh iaitu maksimum selama 99 tahun (Salleh Buang, 2016). Kesannya, apabila tempoh pajakannya telah tamat, tanah wakaf akan dikembalikan kepada PBN kecuali pemiliknya memohon lanjutan tempoh bagi tujuan diperbaharui semula (Salleh Buang, 2016). Sedangkan mengikut *maqasid syariah* "wakaf" bermaksud tidak boleh dijual, diwarisi, dihibah atau diwasiatkan kepada sesiapa supaya harta wakaf tersebut kekal 'ainnya (Shahrina Romli, 2018; Zamro Muda et.al, 2008). Menurut Ridzuan Awang (1994), dicadangkan supaya pindaan dibuat terhadap KTN bagi menerapkan konsep Pihak Berkuasa Negeri (PBN) sebagai pemegang amanah harta milik Allah melalui dua cara seperti berikut:

- a. Dengan menambah satu ayat dalam mukadimah (*preamble*) KTN berbunyi; "dan bahawasanya semua tanah dan lain-lain bahan semula jadi adalah kepunyaan Allah dan manusia hanyalah merupakan pemegang amanah untuk penggunaan yang wajar bagi faedah bersama"; atau
- b. Dengan meminda peruntukan seksyen 40 dengan membatalkan perkataan "terletak hak kepada PBN", dan digantikan dengan perkataan "terletak hak kepada PBN sebagai pemegang amanah Allah untuk penggunaan yang wajar bagi faedah semua manusia".

4.2.1 Mengiktiraf Prinsip *Ihya' Al-Mawat*

Dalam undang-undang tanah Islam, pemberian milik tanah kepada orang-orang atau badan-badan tertentu boleh dilakukan dalam dua cara iaitu; (a) sama ada oleh pemerintah dalam bentuk *iqta'* atau (b) usaha penerokaan individu terhadap tanah tertentu yang dikenali sebagai *ihya' al mawat* (Ridzuan awang, 1994). Kedua-dua cara di atas diakui dan diiktiraf sebagai cara pelupusan dan pemberian milik tanah yang menjadi amalan pentadbiran tanah Islam sejak di zaman Rasulullah dan khalifah-khalifah (Ridzuan awang, 1994).

Bagi kaedah (a) *iqta'*, pemerintah boleh memberi milik atau meng*iqta'*kan tanah kepada individu tertentu dalam tiga bentuk iaitu; (i) *iqta' tamlik* (pemberian milik tanah penuh untuk selama-lamanya atau *in perpetuity*) atau (ii) *iqta' istighlal* (pemberian milik secara bertempoh dalam bentuk pajakan) dan (iii) *iqta' irfaq* (pemberian melalui dalam bentuk lesen atau permit sementara bagi tempoh tertentu) (Ridzuan Awang, 1994).

Pemberian tanah melalui salah satu dari tiga kategori *iqta'* ini tertakluk kepada bentuk dan jenis tanah sama ada ianya tanah *mawat*, tanah *kharajiyah* atau tanah-tanah rizab yang berhampiran dengan kawasan-kawasan awam seperti jalan raya, masjid, pasar dan sebagainya (Ridzuan Awang, 1994). Tiga kaedah pemberian hak milik tanah secara *iqta'* adalah seperti berikut:

- a. Bagi seseorang atau badan-badan yang telah diberikan tanah *mawat* secara *iqta' mawat* melalui *iqta' tamlik*, mereka bebas mengurus niaga tanahnya sama untuk dijual, menggadai, memajak, menghibah, mewakaf atau meninggalkannya sebagai harta pusaka untuk warisnya selepas kematian. Kaedah ini adalah bersamaan dengan Seksyen 76(aa) Kanun Tanah Negara 1965.
- b. Pemberian milik secara bertempoh pula menerusi kaedah *iqta' istighal*, tidak memberi kuasa kepada pemiliknya untuk mengurus niaga. Pemilik tanah yang memperoleh tanah *kharajiah* (tanah yang dikuasai semasa peperangan seperti tanah Iraq, Syam dan Mesir) tidak boleh menjual, memindah milik, memajak, menggadai, menghibah, mewakaf atau tidak boleh mempusakainya selepas kematian. Namun, pemberian milik di bawah kaedah *iqta' istighlal* (pemberian milik secara bertempoh dalam bentuk pajakan) mempunyai persamaan dengan pemberiaan secara bertempoh secara iaitu pajakan Negeri dalam seksyen 76(a) KTN.

Pemberian tanah secara *iqta' irfaq* (pemberian dalam bentuk lesen atau permit sementara bagi tempoh tertentu) pula adalah bagi tanah yang terhad keluasannya, tempoh dan tertakluk kepada syarat penggunaannya seperti tidak menghalang kesesakan dan lalu lintas. Pemberian cara ini mempunyai persamaan dengan lesen pendudukan sementara (TOL) di bawah seksyen 65 hingga 69 KTN.

4.3 Tiada Perkataan Wakaf Dalam Dokumen Hak Milik (Geran)

Dokumen hak milik tanah (geran) mengandungi nama pemilik tanah, syarat nyata dan jenis kegunaan namun, tiada dicatat perkataan wakaf dalam geran tersebut. Dalam KTN tidak diperuntukkan tentang keperluan memasukkan perkataan wakaf dalam dokumen hak milik.

4.4 Kes Tanah Wakaf Tidak Dibicarakan Di Mahkamah Syariah

Mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negara ini, Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa yang luas kecuali terhadap perkara-perkara yang dinyatakan dalam senarai 2(1) Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan (Ridzuan Awang, 1994). Peruntukan ini

berdasarkan tafsiran seksyen 5 KTN iaitu maksud mahkamah adalah Mahkamah Tinggi di Malaya sahaja (Ridzuan Awang, 1994). Sedangkan, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mendengar dan membuat keputusan terhadap semua tindakan dan prosiding berkaitan dengan wakaf atau nazar untuk orang Islam. Para hakim memerlukan rujukan dan kuasa (mandat) untuk urusan perbicaraan di mahkamah. Rujukan ini perlu jelas mengenai substantif, prosedur dan aspek penyelarasan wakaf di Malaysia (Nor Asiah, 2018; Norilawati, 2012). Menurut Mohd Kamel Salleh et al., (2018), apabila berlaku pertikaian berkaitan dengan hukum Islam di mahkamah sivil, maka fatwa boleh dijadikan rujukan autoriti.

Terdapat beberapa kes tanah wakaf dibicarakan dibawah mahkamah sivil seperti berikut:

a. Kes 1: Jual Beli Tanah Antara Defenden Pertama Dan Kedua

Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) lwn Abdul Latiff Hassan (sebagai Pentadbir Harta Pusaka Hj Mohammad Hj Abdul Rasid; simati) & Anor [2016] 2 CLJ 150. Dalam kes ini, tanah wakaf yang ditadbir oleh MAIPP telah disingkirkan kaveat persendirian defenden kedua dan dibatalkan nama defendan kedua/pertama dalam tajuk dokumen hak milik. Mahkamah membuat keputusan bahawa bukti menunjukkan tanah tersebut telah diwakafkan atas nama MAIPP yang telah ditentukan oleh Jawankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang (Mohd Kamel Salleh et al., 2018).

b. Kes 2: Pemohon Mendapatkan Perintah Mahkamah Membatalkan atau Memadamkan Nama MAIPP

Ahmad Yahya lwn Majlis Agama Islam Pulau Pinang [2015] 1 LNS 802 dan [2016] 1 CLJ 1018. Dalam kes ini, pemohon membuat permohonan untuk mendapatkan perintah mahkamah bagi membatalkan nama MAIPP dalam Geran Mukim 2393, Lot No. 4112, Mukim 05, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. Pada geran tersebut dalam bahagian "pemilikan dan alamat" tercatat nama Majlis Agama Islam Pulau Pinang mendapat 1/1 bahagian wakaf tersebut. Namun, tanah tersebut dicatat atas nama MUIPP di bawah peruntukan seksyen 415(1)(a) KTN. Mahkamah membuat keputusan bahawa bukti menunjukkan tanah tersebut telah diwakafkan atas nama MAIPP serta pengesahan bukti daripada Mufti Negeri Pulau Pinang bahawa tanah tersebut adalah tanah wakaf (Mohd Kamel Salleh et al., 2018).

c. **Kes 3: Terma “Operation of Law” Dalam Seksyen 340(4)(b) KTN Digunakan Untuk Memberikan Relief Dalam Kes Kontrak**

Mahkamah menggunakan seksyen 340(4)(b) KTN yang memperuntukkan hak milik boleh dilucutkan daripada pemilik berdaftar apabila wujud kontrak atau obligasi yang dilakukan oleh pemilik berdaftar (Mohd Zaidi Daud et al., 2023).

Ong Chat Pang & Anor Iwn Valliapa Chettiar [1991] 1 MLJ 224 di mana “operation of law” di dalam seksyen 340(4)(b) KTN sebagai terma yang digunakan oleh penggubal untuk memberikan relief di dalam kes kontrak dan obligasi yang diaku janji oleh atau dikenakan ke atas pemilik berdaftar sama ada berasaskan undang-undang atau ekuiti. Namun, dalam tuntutan balas tiada terdapat sebarang tuntutan balas atau kontrak ke atas pemilik berdaftar untuk membangunkan hak milik tersebut. Ini bermaksud, hak plantif sebagai pemilik berdaftar hak milik tersebut tidak boleh dipertikaikan.

Dalam konteks rujukan sivil, rujukan mufti adalah rujukan kepada keterangan pakar iaitu mahkamah boleh mendapatkan pendapat daripada mereka yang mahir dalam sesuatu bidang pengkhususan, jika perlu (seksyen 45, Akta Keterangan 1950). Namun, fatwa yang diwartakan tidak mengikat mahkamah sivil (Mohd Kamel Salleh et al., 2018; Farid Sufian Shuaib, 201; Suwaih Tapah, 2004; Ahmad Hidayat Buang, 2012, 2004 & Mohd. Daud Bakar, 1997).

Oleh demikian, bagi membolehkan perintah Mahkamah Syariah berhubung harta orang Islam termasuk tanah wakaf, maka seksyen 5 KTN hendaklah dipinda dengan memasukkan perkataan Mahkamah Tinggi Syariah yang berbunyi:

“Mahkamah bermaksud Mahkamah Tinggi di Malaya dan termasuk Mahkamah Tinggi Syariah dalam semua perkara yang melibatkan hartanah di mana Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis” (Ridzuan Awang, 1994).

4.5 Ketiadaan Undang-Undang Khusus Tanah Wakaf

Peruntukan khusus mengenai tanah wakaf tidak wujud dalam KTN (Ridzuan Awang, 1994). Namun, KTN hanya memperuntukkan mengenai amanah atau pemegang amanah seperti dinyatakan dalam Seksyen 344 dan 345 sedangkan kedudukan wakaf lebih tinggi daripada tarafnya jika dibandingkan dengan undang-undang wakaf (Ridzuan Awang, 1994). Jika peruntukan

amanah boleh wujud dalam KTN, maka sepatutnya peruntukan wakaf lebih utama diwujudkan dalam KTN (Ridzuan Awang, 1994). Oleh kerana peruntukan tentang wakaf tidak wujud dalam KTN, maka KTN tidak boleh menyentuh persoalan mengenai wakaf dan Baitulmal (Ridzuan Awang, 1994). Orang Islam yang ingin mewakafkan tanah mereka hanya dibenarkan melalui peruntukan Bahagian 12 dalam KTN iaitu mengenai penyerahan hak milik (*surrender of title*). Tindakan untuk mendaftarkan tanah-tanah wakaf boleh dilakukan di bawah peruntukan Bahagian 30 KTN iaitu tentang peletakhakan hak (*Registration of Statutory Vesting*). Kini, kaedah pendaftaran hak milik tanah wakaf adalah melalui seksyen 416C KTN (JAWHAR, 2010).

Tiada undang-undang khas yang boleh dijadikan bahan rujukan untuk pendaftaran hak milik tanah wakaf di Semenanjung Malaysia (Sayuti & Burhanuddin, 2019; Sallehuddin Ishak, 2013). Kajian terdahulu, Jabatan Peguam Negara berpendapat bahawa KTN tidak terpakai ke atas tanah wakaf. Pendaftaran peletakhakan tanah wakaf di bawah KTN dibuat melalui Borang 14A di bawah Seksyen 215 dan 216 adalah sebagai peletakhakan tanah kepunyaan MAIN tetapi bukannya tanah yang diwakafkan kepada MAIN sebagai pemegang amanah tunggal (Sallehuddin Ishak, 2013). Seksyen 416C tidak boleh dianggap sebagai penyelesaian muktamad bagi isu pendaftaran tanah wakaf di bawah KTN. Impak ketara daripada masalah ketiadaan undang-undang khusus ini adalah menjadi masalah kepada mahkamah syariah mendengar kes-kes yang melibatkan wakaf (Nor Asiah, 2018; Norilawati, 2012).

Kerajaan Persekutuan sepatutnya telah lama menggubal undang-undang untuk mewujudkan Kanun Wakaf Negara berlandaskan Perkara 76 Fasal (4) Perlembagaan Persekutuan (Salleh Buang, 2016). Bagaimanapun, peruntukan tersebut hanya menyebut kepada pegangan tanah, pajakan, penyewaan, pindah milik, gadaian, pendaftaran, pengambilan, kadar dan penilaian tanah tetapi tiada istilah 'wakaf'. Ini menimbulkan persoalan kerana sembilan perkataan mengenai tanah yang disebut dalam fasal (4) tidak merangkumi 'tanah wakaf' (Salleh Buang, 2016). Undang-undang khusus tentang wakaf ini tidak perlu merujuk kepada KTN kerana peruntukan dalam KTN bersifat umum, panduan yang tidak mengambil kira aspek pentadbiran dan pembangunan tanah wakaf (Nor Asiah, 2018; Nor Asiah, 2015).

5. DAPATAN KAJIAN

Bagi penambahbaikan tadbir urus hartanah wakaf, dapatan kajian meliputi tiga dimensi transformasi iaitu transformasi perundangan, pengurusan dan operasi. Bagi transformasi dimensi perundangan, terdapat

lima elemen transformasi seperti berikut:

- a) Pendaftaran hak milik tanah wakaf secara perletakhakan berkanun di bawah seksyen 415(C) KTN;
- b) Memasukkan “para e iaitu tanah wakaf” dalam seksyen 5 KTN;
- c) Menggunapakai seksyen 76(aa) KTN;
- d) Memasukkan perkataan “wakaf” dalam dokumen hak milik (geran); dan
- e) Mewujudkan Kanun Tanah Wakaf Negara (KTWN);

Dalam penulisan jurnal ini, fokus dapatan kajian adalah terhadap mewujudkan undang-undang khusus tanah wakaf seperti KTWN. Hasil temu bual mendapati keempat-empat informan kajian (pakar) telah memberikan pandangan berbeza tentang keperluan mewujudkan KTWN. Keempat-empat informan kajian terdiri daripada:

- a) *Informan 1: Kategori Pelaksana Dan Pembuat Dasar*
Informan 1 merupakan Ketua Hakim Syarie Negeri Perak. Beliau juga adalah Ahli Majlis Fatwa Negeri Perak.
- b) *Informan 2: Kategori Pelaksana Dan Pembuat Dasar*
Informan 2 merupakan Pengarah Pengurusan dan Perundangan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Semenanjung Malaysia. Beliau juga terlibat secara langsung dalam penggubalan Kanun Tanah Negara 1965 khususnya bagi Seksyen 415(C) yang berkaitan dengan tatacara pendaftaran hak milik tanah wakaf secara perletakhakan berkanun.
- c) *Informan 3: Kategori Ahli Akedemik*
Informan 3 merupakan seorang Profesor yang bertugas sebagai Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau juga berpengalaman sebagai pengerusi jawatankuasa syariah SME Bank dan Hong Leong MSIG Takafful dan Jawatankuasa Syariah bagi Hong Leong Islamic Bank. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wakaf Malaysia pada tahun 2020 hingga 2023.
- d) *Informan 4: Kategori Ahli Akedemik*
Informan 4 merupakan Timbalan Pengarah Pusat Islam, UTMKL dan merangkap Timbalan Ketua Kumpulan Penyelidik Politik dan Governans. Berpengalaman dalam bidang undang-undang perlembagaan, sistem pilihan raya, undang-undang Islam, undang-undang rasuah, undang-undang siber, dan undang-undang untuk pengurusan projek.

Berikut adalah pandangan keempat-empat informan kajian:

Informan 1

“Kanun Tanah Negara adalah undang-undang induk dan terpakai bagi pengurusan hartanah di Malaysia (RQ1: Informan A1, line 088 – 089).”

Informan 2

“Bila menyentuh soal mewujudkan KTWN, sebenarnya kita bercakap soal pemindahan kuasa daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Adakah Kerajaan Negeri bersetuju, sebab Islam diletakkan di bawah Raja dan Negeri. Impossible boleh wujud KTWN atau Akta Wakaf Negara (contohnya) walaupun orang ramai berkehendak akta tersebut supaya uniformiti. Persoalannya adakah negeri bersedia untuk melepaskan kuasanya. Kuasa ini termaktub dalam Undang-undang Tubuh Negeri masing-masing. Perkara ini termaktub dalam fasal 76(4) Perlembagaan Persekutuan bagi maksud keseragaman, hendaklah dengan persetujuan negeri sebab ada kuasa di negeri dan raja yang perlu dilepaskan. Satu ketika dahulu negeri telah bersetuju hendak membuat KTN (RQ1: Informan A2, line 090 – 098).

“Namun, sejauh mana kita nak buat undang-undang, dengan izin Allah boleh jua (RQ3: Informan A2, line 057).

Informan 3

“Sekiranya undang-undang baru hendak diwujudkan bukanlah perkara yang mudah dan kena ikut juga politik semasa. Jika hendak masukkan subtopic wakaf dalam KTN juga agak sukar. Better, kita ambil jalan yang agak mudah (RQ1: Informan A3, line 099 – 101).

Informan 4

“Dalam konteks wakaf ni, wakaf termasuk dalam Senarai Negeri (Jadual II) (Informan A4). Ini bermaksud, dalam peruntukan ini bidang agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Tetapi hal wakaf ini, walaupun ada wakaf tunai dan sebagainya, tetapi antara yang ketara adalah berkaitan tanah wakaf. Kerana ia juga terbabit dengan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Soal tanah ni adalah berbeza-beza mengikut negeri kerana Perlembagaan memang jelas dan ada Majlis Tanah Negara (MTN) bagi penyeragaman undang-undang yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Yang diseragamkan adalah KTN, Akta Pengambilan Tanah 1960, perumahan dan banyak lagi. Ada juga undang-undang yang tidak diseragamkan seperti Enakmen Rizab Melayu yang kekal di bawah negeri (RQ3: Informan A4, line 063 – 072).”

“Bila dikaitkan soal antara tanah dan wakaf, kita berdepan dalam satu situasi sama ada hendak meletakkan tanah ini di bawah bidang kuasa tanah atau bidang kuasa wakaf. Jika dilihat dari segi perspektif tanah, bermakna ia termaksud dalam perkara-perkara yang boleh diseragamkan berdasarkan peruntukan perlembagaan di mana Parlimen boleh mewujudkan satu peraturan undang-undang wakaf itu sendiri iaitu Fasal 76(4) Perlembagaan Persekutuan. Cabaran jika Parlimen buat KTWN, mungkin tertakluk kepada Perlembagaan sama ada ia menyalahi Perlembagaan kerana kedudukan hal ehwal Islam itu adalah di bawah bidang kuasa negeri dan Raja-Raja di negeri. Ini merupakan satu cabaran yang sangat besar. Apabila ketua agama Islam ini di kalangan Raja-Raja bermakna bidang kuasa yang berkaitan Islam jika hendak diseragamkan, maka ia perlu melalui satu aliran kuasa yang ianya sekarang ini di bawah Majlis Kebangsaan Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh Sultan Selangor. Jadi, untuk “mencapainya” prosesnya agak panjang dan kita tahu penyelarasan tentang hal ehwal Islam pun memang satu cabaran yang besar (RQ3: Informan A4, line 073 – 085)”.

“Dari sudut pembelajaran, bagi saya KTWN memang wajar sebab kita perlukan sistem perundangan yang kukuh dan seragam dan berkesinambungan dengan tanah itu sendiri. Sama ada tanah wakaf diletakkan di bawah KTWN ataupun melalui satu akta yang berasingan, boleh dilakukan kedua-duanya, tetapi apa yang penting adalah penyelarasan soal wakaf ini dengan Pentadbir Tanah secara keseluruhannya (RQ3: Informan A4, line 086 – 090)”.

6. LIMITASI

Berdasarkan ulasan informan kajian A2 berbunyi “namun, sejauh mana kita nak buat undang-undang, dengan izin Allah boleh jua” dan A4 berbunyi “dari sudut pembelajaran, bagi saya KTWN memang wajar sebab kita perlukan sistem perundangan yang kukuh dan seragam dan berkesinambungan dengan tanah itu sendiri” menggambarkan kedua-duanya bersetuju supaya KTWN diwujudkan. Namun, ianya tertakluk juga kepada persetujuan Raja-raja di negeri-negeri. Proses untuk mengadakan atau mewujudkan KTWN ini memakan masa yang panjang dan penyelarasan undang-undang hal ehwal Islam ini merupakan satu cabaran yang besar.

7. KESIMPULAN

Secara umumnya dua daripada empat informan kajian bersetuju untuk mewujudkan KTWN. Namun begitu, proses untuk mewujudkan KTWN bukanlah perkara mudah kerana ia melibatkan kuasa seperti Majlis Kebangsaan Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh Sultan Selangor. Yang penting, ada usaha untuk merealisasikan hasrat tersebut bagi kepentingan pengurusan tanah wakaf yang dapat diselarikan dengan *maqasid syariah*.

8. RUJUKAN

- Ajat Rukajat, (2018). *Pendekatan Penelitian Kualitatif (Qualitative Research Approach)*. Yogyakarta. Penerbit Deepublish. Juli 2018.
- Amelia Nur Natasha Nazeri & Asmak Ab Rahman, (2021). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi di Negeri Perak. *Jurnal Fiqh, Vol.18 No 1(2021)* 169-216.
- Ashlah Ibrahim & 'Adnin Ibrahim, (2018). Pelaksanaan Istibdal dan Pembangunan Tanah Wakaf di Perak. *Asian People Journal (APJ). Volume 1, Issue 2(2018)*, PP 287-297.
- Baihaki Abdullah & Zakaria Bahari, (2019). Pengkomersial Tanah Wakaf Mengikut Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), Volume 4: Issues [24 September 2019]* pp.86-94.
- Choirun Nissa, (2017). Sejarah, Dasar Hukum dan Macam-Macam Wakaf, (2017). TAZKIYYA Jurnal Keislaman, Kemasyarakatan dan Kebudayaan. Vol. 18 No. 2 (Julai – Disember) 2017. UIN Sultan Maulana Hasanuddin, Banten.
- Fatin Dayana Rashid, Razi Yaakob, Hanif Md Latif & Najibatul Islahiah Nik Ruslan (2022). Penelitian Terhadap Wakaf Kediaman dan Pendidikan di Malaysia Menerusi Komperatif Negara Terpilih. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemprori*. Universiti Sultan Zainal Abidin
- Hannah Synder (2019). Literature Review as a Research Methodology: *An Overview and Guidelines*. *Journal of Business Research*, Norwegian School of Business, Nydalsveien 37, 0484 Oslo, Norway.
- Haziq Faris Aris, (2016). Penggunaan Konsep Istibdal Bagi Penyelesaian Pencerobohan Tanah Wakaf Berbentuk Penempatan di Negeri Perak. Disertasi Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Husna binti Mohd Saadan (2018). Pembangunan Wakaf Di Institusi Pendidikan Tinggi Awam Malaysia: Kajian Perundangan. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.

- Ismail Omar, (2020). Pelan Induk Wakaf Nasional urus aset lebih sistematik, Berita Harian 11 November 2020. Diambil daripada <https://www.msn.com/en-my/news-berita/pelan-induk-wakaf-nasional-urus>.
- Mohd. Fazle Mohd Yusop. (2016). Proses Pendaftaran Hakmilik Tanah Wakaf Di Negeri Johor. Disertasi Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Ridzuan Mohamad, (2020). Kedudukan Tadbir Urus Wakaf di Malaysia: Kajian dari Sudut Hubungan terhadap Siyāsah Shar’iyyah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd. Saiful Abdullah, (2016). Pembangunan Tanah Wakaf Berdasarkan Model Wakaf Seetee Aishah. Disertasi Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Sabree Nasri (2018). Pengurusan dan Pembangunan Tanah Terbiar: Tinjauan Khusus Pada Awal Pemerintahan Islam dan Undang-undang di Malaysia. *Journal of Law & Governance, Volume 1(No 1) 2018:110-126*. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Mohd Zaidi Daud, Muhammad Azri Amir dan Siti Aisyah Samudin, (2023). Pemakaian Seksyen 340 Kanun Tanah Negara Menurut Perundangan Islam di Malaysia. *Journal of Muwafaqat, Vol.6. No.1, 2023, pp.14-42*. Faculty of Syariah and Law, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Muhamad Hafizul Helmi bin Mohamad Hilaludin, (2019). Ketidakteraturan Peletakan Hak Milik Tanah Wakaf. Disertasi Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Asiah Mohamad, (2018). Perkembangan Terkini Enakmen Wakaf di Malaysia: Adakah Komprehensif? Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nor ‘Azurah Md Kamdani, Mohd Rahimie Abd Karim & Abdul Halim Ramli, (2022). Kepakaran Mengurus: Satu Elemen Keberkesanan Pengurusan Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). *Islamic Banking, Accounting and Finance International Conference. The 10th iBAF 2022*.

- Norliza Md. Nuruddin, Hairunnizam Wahid & Aisyah Abdul Rahman, (2019). Pembangunan Tanah Wakaf Secara Penswastaan: Kajian Terhadap Projek Menara Imarah Wakaf Oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Jurnal Syariah, Jilid. 27, Bil. 1 (2019) 45-76.*
- Nurul Syafini Ab Rahman, Norhayati Abd Ghani & Hasliza Talib, (2016). Ihya' AL-Mawat: Pengurusan dan Sumbangannya Pada Awal Abad Pemerintahan Islam. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Coference 2016.*
- Rabiatul Hasanah Mahmood, Nazifah Mustaffha, Latifa Bibi Musafar Hameed & Norhanizah Johari, (2017). Pengurusan Wakaf di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017).*
- Rohayu Abdul Majid & Rosli Said, (2014). *Permasalahan Pengurusan Hartanah Wakaf Di Malaysia, International Surveying Research Journal (ISRJ) Volume 4 Number 1, 29-43.*
- Sallahuddin Ishak, (2013). Kuasa Menghurai Model Goodchild Dan Munton (1986) Dan Van Assen (2009) Dalam Masalah Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia. *Jurnal Pentadbiran Tanah, Jld 3 Bil. 1 2013.* Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Malaysia.
- Sayuti Ab Ghani & Burhanuddin Jalal, (2019). Isu Pendaftaran Tanah Wakaf Dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam. *Journal of Fatwa Management Research, Special Edition Vol.16 No.2.*
- Shahnaz Sulaiman, (2016). *Transformasi Pembangunan Harta Wakaf Menerusi Mekanisma Dana Amanah Hartanah Islam.* Disertasi Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Agama Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shahrul Azam Shaari, (2021). Percanggahan Perundangan Pembangunan Tanah dan Cadangan Penyelesaian Terhadap Prinsip Pengekalan Harta Wakaf di Negeri Perak. Disertasi Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kadir, (2016), *Kerangka Undang-undang Pengurusan Wakaf di Malaysia.* Pusat Penyelidikan Wakaf Antarabangsa (ICWR), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuala Lumpur.
- Thalha Alhamid & Budur Anufia, (2019). *Resume: Instrumen Pengumpulan Data.* Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Sorong, 2019.

Yeni Indrayani Oktaviana, (2017). *Perlindungan Hukum Pemegang Hak Milik Atas Tanah Wakaf. Program Pascasarjana Univeritas Mataram. JATISWARA, Vol.32 No.2 Juli 2017.*

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.